

sains

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



PENYAKIT sawan atau epilepsi bukanlah satu penyakit yang mudah ditangani dan mereka yang menghidapinya dan mempunyai keluarga yang berpenyakit tersebut pasti berdepan satu cabaran besar.

Bagaimanapun, cabaran akan menjadi besar apabila mengendalikan kanak-kanak yang mengalami masalah tersebut.

Atas sebab itu apabila pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menghasilkan penyelidikan yang dapat membantu mengendalikan pesakit epilepsi, ia merupakan satu berita baik kepada ibu bapa atau penjaga.

Penyelidikan tersebut diketuai oleh

Prof. Dr. Lua Pei Lin dan kumpulannya berjaya menghasilkan program pendidikan untuk menguji Keberkesanan Program Pendidikan Epilepsi Interaktif Animasi Epilepsi.



DR. LUA PEI LIN

Dr. Lua berkata, tujuan penyelidikan tersebut untuk menghasilkan sebuah program bagi membimbing pesakit kanak-kanak yang mengidap epilepsi agar lebih memahami penyakit mereka.

"Dengan cara ini, ibu bapa atau penjaga juga boleh turut diberi pendedahan tentang penyakit ini dan cara-cara menangani simptom, rawatan, kesan sampingan ubat serta masalah atau isu psikososial yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata, idea bermula dengan kesedaran mentransformasikan cara pendidikan kesihatan dilaksanakan selama ini iaitu kaedah yang 'tradisional' menerusi kaunseling pengamal kesihatan seperti doktor jururawat dan ahli farmasi serta brosur atau risalah maklumat.

Kata beliau, kebanyakan pesakit atau ibu bapa hanyalah mendengar dan membaca bahan-bahan ini secara pasif manakala menerusi program ini, pesakit sendiri dapat berinteraksi secara aktif dengan maklumat yang ingin disampaikan.

Penyampaiannya pula adalah menarik, berwarna-warni dan mudah diterokai menerusi komputer riba, mahupun telefon pintar masa kini. Menerusi pendekatan sebegini, maklumat yang

DR. LUA PEI LIN menunjukkan kajian mengenai alat bantuan pesakit epilepsi.



UniSZA memanfaatkan teknologi ICT

Hasil penyelidikan dimanfaatkan untuk bantu pesakit eplepsi

disalurkan terbukti lebih berkesan, mapan dan mampu diamalkan dalam kehidupan sebenar.

Penyelidikan tersebut kata beliau telah digunakan oleh ibu bapa dan penjaga pesakit yang menerima rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, Hospital Besut serta Hospital Dungun yang kesemuanya terletak di Terengganu.

Justeru, beliau berharap agar kajian ini boleh diteruskan ujiannya dalam kalangan sampel yang lebih besar dan dibuat perbandingan dengan program-program lain agar pesakit, keluarga

mereka dan masyarakat seluruhnya dapat memanfaatkan kegunaannya dalam pendidikan kesihatan yang lebih mapan.

Menurutnya, konsep program pendidikan tersebut agak mudah dan interaktif bagi mengelakkan pengguna menjadi cepat bosan. Dengan penggunaan imej yang mudah dan paparan grafik yang menarik, pengguna sepatutnya mudah memanfaatkan semasa mengendalikan pesakit.

Dr. Lua berkata, penyelidikan tersebut merupakan sumbangan penyelidikan kepada golongan tersebut dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan

komunikasi (ICT).

Penyelidikan yang memakan masa 14 bulan, bermula daripada pembangunan program sehinggalah tamat pengumpulan data untuk ujian keberkesanan untuk disiapkan sejak Februari 2012 hanya menggunakan dana penyelidikan UniSZA.

Selain beliau, turut terlibat ialah Neni Widiasmoro Selamat, yang juga siswazah doktor falsafah, Dr. Zariah Abd. Aziz (pakar perunding Neurologi Kanan, Jabatan Perubatan, Hospital Sultanah Nur Zahirah) dan Datuk Dr. Jimmy Lee Kok Foo yang juga pakar perunding pediatrik dan ketua jabatan, hospital berkenaan.

UniSZA tonjolkan penyelidik muda

SEMENTARA itu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Prof. Dr. Mohd. Ekhwani Toriman berkata, pihaknya berusaha memperkasa program penyelidikan dan pembangunan dengan peruntukan besar geran penyelidikan dalam universiti kepada pensyarah muda.

Selain itu, pihaknya juga menggalakkan penyelidikan antarabangsa melalui kerjasama universiti luar negara antaranya termasuklah kajian *Diaspora Masyarakat Bugis dan Teknologi Kapal Pinisi* bersama Universiti Islam Allauddin Makassar.

Beberapa langkah yang dan sedang dilaksanakan antaranya menggalakkan penyelidikan pasca

siswazah dengan mempromosi program institut dan fakulti serta menyediakan geran khas inovasi sama ada peruntukan untuk paten atau pun pameran dan pertandingan inovasi dalam dan luar negara.

"UniSZA juga menggalakkan pengkomersialan melalui penajaan hasil daripada penyelidikan institut dan fakulti.

Sebagai contoh, menjalin kerjasama dengan pihak swasta dan persatuan untuk memasarkan hasil penyelidikan dan juga mewujudkan anak syarikat di bawah UniSZA Holding bagi memanfaatkan kepakaran 'UniSZA,' katanya sambil memberitahu jumlah pensyarah universiti terbabit kini seramai 214 orang.



DR. MOHD. EKHWAN TORIMAN